



# UNDANG-UNDANG MALAYSIA

**Akta A1394**

**AKTA PERKAPALAN SAUDAGAR (PENCEMARAN  
MINYAK) (PINDAAN) 2011**

Tarikh Perkenan Diraja ... .. 23 Mei 2011

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 2 Jun 2011

Hakcipta Pencetak (H)

**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik)**.

**UNDANG-UNDANG MALAYSIA****Akta A1394****AKTA PERKAPALAN SAUDAGAR (PENCEMARAN  
MINYAK) (PINDAAN) 2011**

Suatu Akta untuk meminda Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994.

[ ]

**DIPERBUAT** oleh Parlimen Malaysia seperti yang berikut:

**Tajuk ringkas dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Pindaan) 2011.

(2) Akta ini mula berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

**Pindaan tajuk panjang**

2. Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 [*Akta 515*], yang disebut “Akta ibu” dalam Akta ini, dipinda dalam tajuk panjang dengan memasukkan selepas perkataan “minyak” perkataan “dan minyak bunker”.

**Pindaan tajuk ringkas**

3. Akta ibu dipinda dengan menggantikan tajuk ringkas “Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994” dengan tajuk ringkas “Akta Perkapalan Saudagar (Liabiliti dan Pampasan bagi Pencemaran Minyak dan Minyak Bunker) 1994”.

**Sebutan mengenai Akta ibu**

4. (1) Semua sebutan mengenai Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 dalam mana-mana undang-undang bertulis atau dokumen hendaklah, apabila Akta ini mula berkuat kuasa, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai Akta Perkapalan Saudagar (Liabiliti dan Pampasan bagi Pencemaran Minyak dan Minyak Bunker) 1994.

(2) Semua sebutan mengenai Akta Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) 1994 dalam mana-mana prosiding, sama ada sivil atau jenayah, atau mana-mana kausa tindakan yang dimulakan, belum selesai atau sedia ada sebelum mula berkuat kuasa Akta ini, hendaklah, apabila mula berkuat kuasa Akta ini, terus terpakai dan tidak terjejas seolah-olah ia tidak dipinda oleh Akta ini.

**Pindaan seksyen 2**

5. Seksyen 2 Akta ibu dipinda—

(a) dalam subseksyen (1)—

(i) dengan menggantikan takrif “kapal” dengan takrif yang berikut:

‘ “kapal” —

(a) berhubung dengan liabiliti yang ditanggung di bawah seksyen 3, ertinya mana-mana vesel laut dan lancang laut daripada apa-apa jenis yang dibina atau diubah suai untuk membawa minyak secara pukal sebagai kargo, dengan syarat bahawa kapal yang berupaya membawa minyak dan kargo lain hendaklah dianggap

sebagai kapal hanya apabila kapal itu sebenarnya membawa minyak secara pukal sebagai kargo dan semasa dalam mana-mana pelayaran berikutan dengan pelayaran itu yang membawa minyak melainkan jika dibuktikan bahawa tidak ada baki daripada minyak yang dibawa secara pukal di atas kapal; atau

(b) berhubung dengan liabiliti yang ditanggung di bawah seksyen 3A, ertinya mana-mana vesel laut dan lancang laut daripada apa-apa jenis;’;

(ii) dalam takrif “kerosakan pencemaran”, dalam perenggan (a)—

(A) dengan memasukkan selepas perkataan “pertumpahan minyak” perkataan “atau minyak bunker”; dan

(B) dengan memasukkan selepas koma bernoktah yang terdapat di hujung perenggan perkataan “dan”;

(iii) dengan memasukkan selepas takrif “kerosakan pencemaran” takrif yang berikut:

‘ “Konvensyen Bunkers” ertinya Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak Bunker 2001 yang ditandatangani di London pada 23 Mac 2001;’;

(iv) dengan memasukkan selepas takrif “minyak” takrif yang berikut:

‘ “minyak bunker” ertinya mana-mana minyak mineral hidrokarbon, termasuk minyak pelincir, yang digunakan atau diniat untuk digunakan bagi operasi atau pendorongan kapal, dan apa-apa baki daripada minyak itu;’;

- (v) dengan memasukkan selepas takrif “nakhoda” takrif yang berikut:

‘ “negara Konvensyen Bunkers” ertinya sesuatu negara yang berkenaan dengannya Konvensyen Bunkers berkuat kuasa;’;

- (vi) dengan menggantikan takrif “pemunya” dengan takrif yang berikut:

‘ “pemunya” —

(a) berhubung dengan sesuatu kapal yang menanggung liabiliti di bawah seksyen 3, ertinya pemunya berdaftar; atau

(b) berhubung dengan sesuatu kapal yang menanggung liabiliti di bawah seksyen 3A, ertinya pemunya berdaftar, pencarter kapal kosong, atau pengurus dan pengendali kapal itu;’; dan

- (vii) dengan memasukkan selepas takrif “pemunya” takrif yang berikut:

‘ “pemunya berdaftar” ertinya orang yang didaftarkan sebagai pemunya kapal atau, sekiranya tiada pendaftaran, orang yang menjadi pemunya kapal itu, kecuali bahawa berhubung dengan kapal yang dipunyai oleh sesuatu Negara dan dikendalikan oleh suatu syarikat yang di dalam Negara itu didaftarkan sebagai pengendali kapal itu, “pemunya berdaftar” hendaklah bererti syarikat sedemikian;’;

- (b) dalam subseksyen (2) dalam teks bahasa Inggeris, dengan menggantikan perkataan “resulting from the discharge or escape of any oil from” dengan perkataan “caused by”; dan
- (c) dalam perenggan (3)(a), dengan memasukkan selepas perkataan “negara Konvensyen Liabiliti” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau negara Konvensyen Bunkers”.

## **Pindaan tajuk Bahagian II**

6. Bahagian II Akta ibu dipinda dengan menggantikan tajuk “LIABILITI SIVIL BAGI PENCEMARAN MINYAK” dengan tajuk “LIABILITI SIVIL BAGI PENCEMARAN MINYAK DAN MINYAK BUNKER”.

## **Seksyen baru 3A**

7. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 3 seksyen yang berikut:

### **“Liabiliti bagi pencemaran minyak bunker**

**3A.** (1) Pemunya sesuatu kapal pada masa sesuatu insiden, atau jika insiden itu terdiri daripada suatu siri kejadian yang mempunyai punca yang sama, pada masa kejadian pertama, hendaklah, kecuali jika diperuntukkan selainnya di bawah Akta ini, bertanggung bagi apa-apa kerosakan pencemaran yang disebabkan oleh kapal itu akibat daripada insiden itu di mana-mana kawasan di Malaysia.

(2) Jika lebih daripada satu orang bertanggung menurut subseksyen (1), tanggungan mereka hendaklah bersesama dan berasingan.

(3) Selanjutnya, pemunya kapal itu hendaklah bertanggung bagi apa-apa kerosakan pencemaran yang disebabkan berlaku di mana-mana kawasan di mana-mana negara Konvensyen Bunkers lain akibat daripada apa-apa insiden yang dinyatakan dalam subseksyen (1).

(4) Jika sesuatu insiden yang melibatkan dua kapal atau lebih berlaku dan kerosakan pencemaran berlaku akibat daripada insiden itu, pemunya kesemua kapal yang berkenaan hendaklah, melainkan jika dilepaskan di bawah seksyen 4, secara bersesama dan berasingan bertanggung bagi segala kerosakan pencemaran itu yang tidak boleh semunasabahnya diasingkan.”.

**Pindaan seksyen 4****8.** Seksyen 4 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 3” perkataan “atau 3A”;
- (b) dalam subseksyen (1)—
  - (i) dengan memasukkan selepas perkataan “minyak” perkataan “atau minyak bunker”; dan
  - (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 3” perkataan “atau 3A”; dan
- (c) dalam subseksyen 2, dengan memasukkan selepas perkataan “minyak” perkataan “atau minyak bunker”.

**Pindaan seksyen 5**

**9.** Seksyen 5 Akta ibu dipinda dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “pencemaran” perkataan “minyak di bawah seksyen 3”.

**Seksyen baru 5A**

**10.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 5 seksyen yang berikut:

**“Had liabiliti bagi kerosakan pencemaran minyak bunker di bawah seksyen 3A**

**5A.** (1) Jika sesuatu insiden berlaku dan kerosakan pencemaran berlaku akibat daripada insiden itu, sama ada atau tidak pemunya kapal itu menanggung liabiliti di bawah seksyen 3A, pemunya kapal tidaklah bertanggungjawab bagi apa-apa kerosakan pencemaran itu melainkan di bawah seksyen itu.

(2) Liabiliti bagi kerosakan pencemaran tidak terpakai bagi—

- (a) mana-mana pekhidmat atau ejen pemunya kapal itu atau mana-mana anggota anak kapal itu;



- (b) malim atau mana-mana orang lain yang bukan anggota anak kapal itu tetapi melaksanakan perkhidmatan bagi kapal itu;
- (c) mana-mana pencarter, dengan cara apa sekali pun diperihalkan, tetapi tidak termasuk pencarter kapal kosong;
- (d) mana-mana orang yang melaksanakan gerakan salvaj dengan persetujuan pemunya kapal itu atau atas arahan pihak berkuasa awam yang berwibawa;
- (e) mana-mana orang yang mengambil langkah pencegahan;
- (f) semua pekhidmat atau ejen orang yang disebut dalam perenggan (c), (d) dan (e),

melainkan jika kerosakan pencemaran itu berlaku akibat daripada tindakan atau peninggalan mereka sendiri, yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan itu, atau secara melulu dan dengan mengetahui bahawa kerosakan itu mungkin berlaku.”.

## **Seksyen baru 6A**

**11.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 6 seksyen yang berikut:

### **“Pembatasan liabiliti di bawah seksyen 3A**

**6A.** (1) Jika pemunya sesuatu kapal menanggung liabiliti di bawah seksyen 3A berkenaan dengan mana-mana satu insiden, peruntukan yang berhubungan dengan pembatasan liabiliti pemunya kapal dalam hal kerugian atau kerosakan tertentu di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain yang berhubungan dengan perkapalan saudagar tidaklah terpakai bagi liabiliti itu.

(2) Pemunya sesuatu kapal yang menanggung liabiliti di bawah seksyen 3A boleh membataskan liabilitinya mengikut Konvensyen mengenai Pembatasan Liabiliti untuk Tuntutan Maritim 1976 sebagaimana dipinda oleh Protokol 1996 untuk meminda Konvensyen mengenai Pembatasan Liabiliti untuk Tuntutan Maritim 1976, seperti yang dinyatakan dalam Jadual Keenam belas Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

(3) Jika dibuktikan bahawa kerosakan pencemaran berlaku akibat daripada tindakan atau peninggalan pemunya kapal itu, yang dilakukan dengan niat untuk menyebabkan kerosakan itu, atau secara melulu dan dengan mengetahui bahawa kerosakan itu mungkin berlaku, dia tidak berhak untuk membataskan liabilitinya di bawah subseksyen (2).”.

### **Pindaan seksyen 7**

**12.** Seksyen 7 Akta ibu dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan subseksyen yang berikut:

“(1) Jika pemunya sesuatu kapal telah atau dikatakan telah menanggung sesuatu liabiliti—

- (a) di bawah seksyen 3, dia boleh memohon kepada Mahkamah bagi membataskan liabiliti tersebut kepada suatu amaun yang ditentukan mengikut seksyen 6; atau
- (b) di bawah seksyen 3A, dia boleh memohon kepada Mahkamah bagi membataskan liabiliti tersebut kepada suatu amaun yang ditentukan mengikut seksyen 6A.”.

### **Penggantian seksyen 8**

**13.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan seksyen 8 dengan seksyen yang berikut:

#### **“Had ke atas penguatkuasaan tuntutan selepas penubuhan kumpulan wang pembatasan**

**8.** Jika Mahkamah mendapati bahawa seseorang yang telah menanggung liabiliti—

- (a) di bawah seksyen 3, berhak untuk membataskan liabiliti itu di bawah seksyen 6; atau
- (b) di bawah seksyen 3A, berhak untuk membataskan liabiliti itu di bawah seksyen 6A,

dan dia telah membayar suatu jumlah wang atau mendepositkan suatu jaminan bank atau cagaran ke dalam Mahkamah bagi suatu jumlah wang yang tidak kurang daripada amaun tersebut—

- (aa) Mahkamah hendaklah memerintahkan pelepasan mana-mana kapal atau harta lain yang ditahan berkaitan dengan tuntutan berkenaan dengan liabiliti tersebut atau apa-apa jaminan atau cagaran lain yang diberikan untuk mengelakkan penahanan sedemikian; dan
- (bb) tiada penghakiman atau perintah berkenaan dengan apa-apa tuntutan sedemikian boleh dikuatkuasakan, kecuali setakat yang ia adalah bagi kos,

jika pihak menuntut mempunyai akses kepada Mahkamah dan jika bayaran itu atau jaminan bank atau cagaran itu atau mana-mana bahagiannya yang bersamaan dengan tuntutan itu sebenarnya boleh didapati oleh pihak menuntut itu, atau akan didapati olehnya, jika langkah yang sewajarnya dalam prosiding di bawah seksyen 7 telah diambil.”.

### **Pindaan seksyen 9**

#### **14. Seksyen 9 Akta ibu dipinda—**

- (a) dengan memasukkan selepas perkataan “di bawah seksyen 3” perkataan “atau 3A”;
- (b) dengan menggantikan perkataan “negara Konvensyen Liabiliti yang lain” dengan perkataan “negara Konvensyen Liabiliti atau negara Konvensyen Bunkers yang lain, masing-masing”; dan
- (c) dengan menggantikan perkataan “seksyen 3 dan 7” dengan perkataan “seksyen 3 atau 3A, dan 7”.

### **Pindaan seksyen 10**

#### **15. Seksyen 10 Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 3” perkataan “atau 3A”.**

**Pindaan seksyen 11**

16. Seksyen 11 Akta ibu dipinda dalam nota bahu dengan memasukkan selepas perkataan “pencemaran” perkataan “minyak”.

**Seksyen baru 11A**

17. Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 11 seksyen yang berikut:

**“Insurans wajib terhadap liabiliti bagi pencemaran minyak bunker**

**11A.** (1) Tertakluk kepada peruntukan Akta ini yang berhubungan dengan kapal Kerajaan, seksyen ini hendaklah terpakai bagi mana-mana kapal yang mempunyai tanan kasar yang melebihi 1,000 tan.

(2) Mana-mana kapal sedemikian tidak boleh memasuki atau meninggalkan sesuatu pelabuhan di Malaysia atau tiba di atau meninggalkan sesuatu kawasan pemasangan pangkalan di mana-mana kawasan di Malaysia atau, jika kapal itu didaftarkan di Malaysia, ia tidak boleh memasuki atau meninggalkan sesuatu pelabuhan di mana-mana negara lain atau sesuatu pemasangan pangkalan di laut wilayah mana-mana negara lain, melainkan jika ada berkuat kuasa suatu perakuan yang mematuhi subseksyen (3) dan yang menunjukkan ada berkuat kuasa berkenaan dengan kapal itu suatu kontrak insurans atau cagaran kewangan lain yang memenuhi kehendak Perkara 7 Konvensyen Bunkers (perlindungan bagi liabiliti pemunya).

(3) Perakuan itu hendaklah—

- (a) jika kapal itu didaftarkan di Malaysia, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Laut;
- (b) jika kapal itu didaftarkan di negara Konvensyen Bunkers selain Malaysia, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa kerajaan negara itu; dan
- (c) jika kapal itu didaftarkan di negara yang bukan negara Konvensyen Bunkers, suatu perakuan yang dikeluarkan oleh Pengarah Laut atau suatu perakuan yang dikeluarkan oleh atau di bawah kuasa mana-mana negara Konvensyen Bunkers.

(4) Perakuan yang dikeluarkan di bawah perenggan (3)(a) dan (c) oleh Pengarah Laut hendaklah dalam bahasa kebangsaan dan hendaklah juga mengandungi terjemahan dalam bahasa Inggeris.

(5) Mana-mana perakuan yang dikehendaki oleh seksyen ini supaya berkuat kuasa berkenaan dengan sesuatu kapal hendaklah dibawa di dalam kapal itu dan hendaklah, apabila diminta, dikemukakan oleh nakhoda kepada Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberi kuasa.

(6) Jika sesuatu kapal memasuki atau meninggalkan, atau cuba memasuki atau meninggalkan, sesuatu pelabuhan atau tiba di atau meninggalkan atau cuba tiba di atau meninggalkan, sesuatu pemasangan pangkalan berlanggaran dengan subseksyen (2), nakhoda atau pemunya kapal itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi empat tahun atau kedua-duanya.

(7) Jika sesuatu kapal tidak membawa atau nakhoda sesuatu kapal tidak mengemukakan perakuan yang dikehendaki oleh subseksyen (5), maka nakhoda kapal itu melakukan suatu kesalahan dan boleh, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

(8) Jika sesuatu kapal cuba meninggalkan sesuatu pelabuhan atau sesuatu pemasangan pangkalan di Malaysia berlanggaran dengan seksyen ini, kapal itu boleh ditahan.”.

## **Pindaan seksyen 12**

### **18. Seksyen 12 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen yang berikut:

“(1A) Tertakluk kepada subseksyen (2), jika Pengarah Laut berpuas hati, apabila suatu permohonan dibuat untuk mendapatkan perakuan yang disebut dalam seksyen 11A berkenaan dengan suatu kapal yang

didaftarkan di Malaysia atau mana-mana negara yang bukan negara Konvensyen Bunkers, bahawa akan ada berkuat kuasa berkenaan dengan kapal itu, sepanjang tempoh yang baginya perakuan itu akan dikeluarkan, suatu kontrak insurans yang sah atau cagaran kewangan lain yang memenuhi kehendak Perkara 7 Konvensyen Bunkers, Pengarah Laut hendaklah mengeluarkan perakuan itu kepada pemunya berdaftar.”; dan

(b) dalam subseksyen (2), dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 3” perkataan “atau 3A”.

### **Pindaan seksyen 13**

#### **19. Seksyen 13 Akta ibu dipinda—**

(a) dalam subseksyen (1)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 3” perkataan “atau 3A”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 11” perkataan “atau 11A, masing-masing,”; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

- (i) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen 6(2)” perkataan “atau 6A(2), mengikut mana-mana yang berkenaan,”; dan
- (ii) dengan memasukkan selepas perkataan “subseksyen 6(3)” perkataan “atau 6A(3), mengikut mana-mana yang berkenaan”.

### **Pindaan seksyen 14**

#### **20. Seksyen 14 Akta ibu dipinda—**

(a) dengan menggantikan subseksyen (2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Berhubung dengan suatu kapal yang dipunyai oleh sesuatu Negara dan yang pada masa ini digunakan bagi maksud komersial—

- (a) subseksyen 11(2) dipatuhi dengan mencukupi jika ada berkuat kuasa suatu perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan

Negara itu dan yang menunjukkan bahawa kapal itu dipunyai oleh Negara itu dan bahawa apa-apa liabiliti bagi kerosakan pencemaran sebagaimana yang ditafsirkan dalam Perkara 1 Konvensyen Liabiliti akan dipenuhi sehingga takat batasan yang ditetapkan oleh Perkara V Konvensyen itu; atau

(b) subseksyen 11A(2) dipatuhi dengan mencukupi jika ada berkuat kuasa suatu perakuan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa berkenaan Negara itu dan yang menunjukkan bahawa kapal itu dipunyai oleh Negara itu dan bahawa apa-apa liabiliti bagi kerosakan pencemaran sebagaimana yang ditafsirkan dalam Perkara 1 Konvensyen Bunkers akan dipenuhi sehingga takat batasan yang dinyatakan dalam Bab II Konvensyen mengenai Pembatasan Liabiliti untuk Tuntutan Maritim 1976 sebagaimana dipinda oleh Protokol 1996 untuk meminda Konvensyen mengenai Pembatasan Liabiliti untuk Tuntutan Maritim 1976, dan yang dinyatakan dalam Jadual Keenam belas Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.”; dan

(b) dalam subseksyen (3)—

(i) dengan memasukkan selepas perkataan “Konvensyen Liabiliti” perkataan “atau Konvensyen Bunkers”; dan

(ii) dengan memasukkan selepas perkataan “seksyen 3” perkataan “atau 3A, masing-masing”.

### **Pindaan seksyen 23**

**21.** Subseksyen 23(2) Akta ibu dipinda—

(a) dengan memasukkan selepas perkataan “minyak” perkataan “atau minyak bunker”; dan

(b) dalam perenggan (a) dan (b), dengan memasukkan selepas perkataan “negara Konvensyen Liabiliti” di mana-mana jua terdapat perkataan “atau negara Konvensyen Bunkers”.

**Pindaan seksyen 24****22.** Subseksyen 24(1) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “atau”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan menggantikan koma yang terdapat di hujung perenggan itu dengan perkataan “; atau”; dan
- (c) dengan memasukkan selepas perenggan (b) perenggan yang berikut:
  - “(c) negara Konvensyen Bunkers untuk menguatkuasakan suatu tuntutan berkenaan dengan liabiliti yang ditanggung di bawah mana-mana peruntukan yang bersamaan dengan seksyen 3A,”.

**Pindaan seksyen 26****23.** Seksyen 26 Akta ibu dipinda—

- (a) dalam nota bahu, dengan menggantikan perkataan “, menahan dan mendakwa” dengan perkataan “dan menahan”; dan
- (b) dengan memotong subseksyen (3).

**Seksyen baru 28A****24.** Akta ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen yang berikut:**“Pendakwaan**

**28A.** (1) Tiada pendakwaan bagi mana-mana kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali dengan keizinan bertulis Pendakwa Raya.

(2) Pengarah Laut atau mana-mana pegawai diberi kuasa, yang diberi kuasa secara bertulis oleh Pendakwa Raya, boleh menjalankan pendakwaan bagi mana-mana kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.”.



## **Pindaan seksyen 29**

**25.** Subseksyen 29(2) Akta ibu dipinda—

- (a) dalam perenggan (a), dengan memotong perkataan “di bawah subseksyen 12(1)”;
- (b) dalam perenggan (b), dengan memotong perkataan “di bawah subseksyen 12(1)”;
- (c) dalam perenggan (c), dengan memotong perkataan “di bawah subseksyen 12(1)”.

## **Pindaan Jadual Kedua**

**26.** Akta ibu dipinda dengan menggantikan Jadual Kedua dengan jadual yang berikut:

“JADUAL KEDUA

[subseksyen 24(3)]

### **NEGARA YANG MENJADI PIHAK KEPADA KONVENSYEN LIABILITY**

Afrika Selatan	Latvia
Albania	Liberia
Algeria	Lithuania
Angola	Lubnan
Antigua dan Barbuda	Luxembourg
Arab Saudi	Madagascar
Argentina	Maghribi
Australia	Maldives
Azerbaijan	Malta
Bahamas	Mauritius
Bahrain	Mesir
Barbados	Mexico
Belanda	Monaco
Belgium	Mongolia
Belize	Mozambique
Brunei Darussalam	Namibia
Bulgaria	New Zealand
Cameroon	Nigeria
Cape Verde	Norway
Chile	Oman
Colombia	Pakistan
Comoros	Panama
Congo	Papua New Guinea
Croatia	Perancis
Cyprus	Persekutuan Rusia
Denmark	Peru

Djibouti	Poland
Dominica	Portugal
Ecuador	Qatar
El Salvador	Republik Rakyat China
Emiriah Arab Bersatu	Republik Arab Syria
Estonia	Republik Bersatu Tanzania
Fiji	Republik Dominica
Filipina	Republik Islam Iran
Finland	Republik Korea
Gabon	Republik Moldova
Georgia	Romania
Ghana	Saint Kitts dan Nevis
Greece	Saint Lucia
Grenada	Saint Vincent dan Grenadines
Guinea	Samoa
Hungary	Sepanyol
Iceland	Seychelles
India	Sierra Leone
Indonesia	Singapura
Ireland	Slovenia
Israel	Sri Lanka
Itali	Sweden
Jamaica	Switzerland
Jepun	Tonga
Jerman	Trinidad dan Tobago
Kanada	Tunisia
Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China	Turki
Kemboja	Tuvalu
Kenya	Ukraine
Kepulauan Cook	United Kingdom
Kepulauan Marshall	Uruguay
Kepulauan Solomon	Vanuatu
Kiribati	Venezuela
Kuwait	Vietnam
	Yaman

**NEGARA YANG MENJADI PIHAK KEPADA KONVENSYEN  
KUMPULAN WANG**

Afrika Selatan	Kepulauan Marshall
Albania	Kiribati
Algeria	Latvia
Angola	Liberia
Antigua dan Barbuda	Lithuania
Argentina	Luxembourg
Australia	Madagascar
Bahamas	Maghribi
Bahrain	Maldives
Barbados	Malta
Belanda	Mauritius
Belgium	Mexico
Belize	Monaco
Brunei Darussalam	Mozambique

Bulgaria	Namibia
Cameroon	New Zealand
Cape Verde	Nigeria
Colombia	Norway
Comoros	Oman
Congo	Panama
Croatia	Papua New Guinea
Cyprus	Perancis
Denmark	Persekutuan Rusia
Djibouti	Poland
Dominica	Portugal
Ecuador	Qatar
Emiriah Arab Bersatu	Republik Arab Syria
Estonia	Republik Bersatu Tanzania
Fiji	Republik Dominica
Filipina	Republik Islam Iran
Finland	Republik Korea
Gabon	Saint Kitts dan Nevis
Georgia	Saint Lucia
Ghana	Saint Vincent dan Grenadines
Greece	Samoa
Grenada	Sepanyol
Guinea	Seychelles
Hungary	Sierra Leone
Iceland	Singapura
India	Slovenia
Ireland	Sri Lanka
Israel	Sweden
Itali	Switzerland
Jamaica	Tonga
Jepun	Trinidad dan Tobago
Jerman	Tunisia
Kanada	Turki
Kawasan Pentadbiran Khas Hong Kong, Republik Rakyat China	Tuvalu
Kemboja	United Kingdom
Kenya	Uruguay
Kepulauan Cook	Vanuatu
	Venezuela

**NEGARA YANG MENJADI PIHAK KEPADA KONVENSYEN BUNKERS**

Albania	Lithuania
Antigua dan Barbuda	Luxembourg
Australia	Maghribi
Bahamas	Malta
Barbados	Mesir
Belgium	Norway
Bulgaria	Panama
Croatia	Persekutuan Rusia
Cyprus	Poland
Denmark	Republik Korea
Estonia	Republik Rakyat China

Etiopia	Republik Rakyat Demokratik Korea
Finland	Romania
Greece	Saint Kitts dan Nevis
Hungary	Saint Vincent dan Grenadines
Ireland	Samoa
Jamaica	Sepanyol
Jerman	Sierra Leone
Jordan	Singapura
Kanada	Slovenia
Kepulauan Cook	Syria
Kepulauan Marshall	Tonga
Kiribati	Tuvalu
Latvia	United Kingdom
Liberia	Vanuatu.”.